

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PERDANA MENTERI, ISTERI KE BALIK PULAU

PULAU PINANG, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah binti Haji Mohd. Ali, akan melawat sehari ke daerah Balik Pulau pada 20 September ini. Beribu-ribu orang penduduk akan menyambut ketibaan beliau di Sekolah Kebangsaan Genting, awal pagi.

Selepas itu, Perdana Menteri akan mendengar taklimat pembangunan daerah itu di Pejabat Daerah Balik Pulau yang akan disampaikan oleh Pegawai Daerah, En-cik Fauzi Haji Abdul Rahman.

Perdana Menteri juga akan meninjau kawasan tanah rang di Sungai Burung yang sedang dipulihkan.

Seluas 50 hektar tanah rang telah dipulihkan manakala 300 hektar lagi sedang dilaksanakan pemulihannya di bawah projek pemulihan.

Pada sebelah petangnya, Perdana Menteri akan merasmikan projek perumahan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga akan menyampaikan kunci kepada penduduk-penduduk yang berjaya mendapat rumah tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, akan turut berucap di majlis itu selaku Yang Dipertua Koperasi.

Sementara itu, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, dalam lawatan berasingan, akan melawat Hospital Daerah Balik Pulau dan Teluk Kumbar.

Beliau akan menyampaikan bungkusan kuih kepada para pesakit di hospital tersebut.